

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

PERTANYAAN : BERTULIS

NO SOALAN : 507

YB DR. KO CHUNG SEN minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) Jumlah pengaliran keluar wang haram tahunan dari Malaysia untuk tempoh 10 tahun yang lalu; dan
- (b) Bagaimana jumlah wang haram begitu besar berjaya dikeluarkan dari negara ini dan bilangan pendakwaan, sabitan dan jumlah wang rasuah yang terlibat bagi setiap tahun dalam tempoh 10 tahun yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kiraan kesalahan dan ketinggalan (*Errors & Omission, E&O*) dalam statistik BOP (*Balance of Payments*) merupakan petunjuk yang lebih tepat berhubung aliran kewangan yang tidak direkodkan di Malaysia. Namun begitu, adalah penting untuk

ditekankan bahawa E&O pada dasarnya menganggar aliran kewangan yang tidak dapat direkodkan dan tidak semestinya merujuk kepada anggaran aliran wang haram. E&O Malaysia merekodkan aliran keluar sebanyak RM176.6 bilion, iaitu bersamaan dengan USD55.8 bilion bagi tempoh 2007 hingga 2016, jauh lebih rendah daripada anggaran yang dilaporkan oleh institusi-institusi asing. Jumlah E&O ini hanya mencakupi kurang 1.5 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia. Angka ini adalah di bawah paras 5 peratus daripada jumlah perdagangan mengikut standard statistik yang diterima pakai di peringkat antarabangsa.